



---

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
PROGRAM PERKHIDMATAN FARMASI

## SOALAN LAZIM

### (FREQUENTLY ASKED QUESTIONS, FAQ)

PELAKSANAAN PEMAPARAN HARGA UBAT DI  
KEMUDAHAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA DAN  
FARMASI KOMUNITI





KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## SOALAN LAZIM (FREQUENTLY ASKED QUESTIONS, FAQ)

### Pelaksanaan Pemaparan Harga Ubat di Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta dan Farmasi Komuniti

---

#### 1. Adakah semua ubat-ubatan perlu dipaparkan harganya?

Ya. Semua ubat-ubatan perlu dipaparkan harga jualannya mengikut Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penandaan Harga Bagi Ubat) 2025.

#### 2. Apakah inisiatif Pemaparan Harga Ubat?

Pemaparan Harga Ubat merupakan suatu inisiatif ketelusan harga jualan ubat melalui satu perintah di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Inisiatif ini mengkehendaki kemudahan jagaan kesihatan swasta dan farmasi komuniti memaparkan harga jualan ubat.

#### 3. Apakah jenis harga yang perlu dipaparkan?

Harga ubat yang dijual/ dibekal/ diberi (*administer*) dan dicaj kepada pengguna/pesakit.

#### 4. Apakah objektif inisiatif Pemaparan Harga Ubat?

Objektif pemaparan harga jualan ubat adalah supaya rakyat mengetahui harga ubat yang perlu dibayar, membuat perbandingan harga dan membuat pilihan terbaik dalam mendapatkan ubat-ubatan pada harga yang munasabah dan mampu milik.

**5. Apakah jenis kemudahan jagaan kesihatan swasta @ premis @ fasiliti yang wajib memaparkan harga jualan ubat dalam inisiatif ini? Adakah farmasi komuniti perlu memaparkan harga jualan ubat?**

- Semua kemudahan jagaan kesihatan swasta mengikut tafsiran Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] yang menjual, membekalkan atau memberikan (*administer*) ubat termasuk:
  - Hospital swasta
  - Hospis swasta
  - Klinik perubatan swasta
  - Klinik pergigian swasta
  - Pusat jagaan ambulatori swasta
  - Rumah jagaan kejururawatan swasta
  - Hospital psikiatri swasta
  - Rumah jagaan psikiatri swasta
  - Pusat kesihatan mental masyarakat swasta
  - Pusat hemodialisis swasta
  - Rumah bersalin swasta
- Ya. Farmasi komuniti yang menjual atau membekal ubat-ubatan kepada pengguna/pesakit juga perlu memaparkan harga jualan ubat.

**6. Apakah ubat-ubatan yang perlu dipaparkan harganya?**

Semua ubat-ubatan yang ditakrifkan sebagai produk di bawah Akta Jualan Dadah 1952 [Akta 368] dan perundangan subsidiarinya iaitu Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, untuk kegunaan manusia seperti:

- Ubat terkawal – ubat yang hanya boleh dijual atau dibekalkan oleh doktor atau ahli farmasi berdaftar
- Ubat *over-the-counter* (OTC)
- Ubat tradisional
- Suplemen kesihatan
- Ubat sediaan yang dibancuh (*extemporaneous*) dan ubat yang telah mendapat kelulusan khas yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 (ubat tidak berdaftar)

## **7. Bagaimana harga jualan ubat perlu dipaparkan?**

- Pemaparan harga ubat hendaklah dilakukan dalam bentuk senarai harga atau tanda harga. Ubat-ubatan yang dipamerkan untuk jualan dan boleh diakses oleh pengguna, hendaklah dilabel, teg atau tanda harga pada ubat itu.
- Manakala, ubat yang tidak dipamerkan atau diletakkan di belakang kaunter yang tidak boleh diakses atau dilihat oleh pengguna pula hendaklah dipaparkan dalam bentuk senarai harga jualan.
- Senarai harga jualan ubat boleh dipaparkan dalam bentuk fizikal di fasiliti kesihatan terlibat, dalam bentuk katalog, papan kenyataan, atau skrin elektronik.

## **8. Apakah cara untuk tanda atau teg harga ubat?**

- Setiap ubat yang dipamer untuk jualan hendaklah diletakkan tanda harga yang menunjukkan harga tunai bagi tiap satu unit, satu unit pembungkusan atau bagi setiap sukat pembungkusan ubat tersebut dalam Ringgit Malaysia (RM).
- Tanda harga ini hendaklah dalam saiz dan warna yang dapat dilihat dengan jelas oleh pengguna.

## **9. Bagaimana sekiranya ubat yang terlalu kecil saiznya hendak ditanda harga?**

Sekiranya jenis atau saiz ubat tidak sesuai ditandakan harga pada ubat itu, contohnya seperti pembungkusan yang terlalu kecil saiznya, satu senarai harga jualan ubat boleh disediakan.

## **10. Apakah maklumat senarai harga jualan ubat yang perlu dipapar?**

- a) 4 maklumat yang perlu dipaparkan dalam senarai harga jualan ubat adalah:
  - nama generik/bahan aktif ubat dan kekuatan (*strength*)
  - nama dagangan ubat
  - harga per unit; dan
  - harga jualan per unit (pek jualan) dalam Ringgit Malaysia (RM)
- b) maklumat ubat tidak boleh menyatakan indikasi atau kegunaan ubat
- c) senarai harga jualan ubat perlu dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris

## **11. Apakah kaedah yang boleh digunakan untuk pemaparan senarai harga jualan ubat?**

- Senarai harga jualan ubat hendaklah dipapar secara fizikal di semua fasiliti terlibat, yang boleh diakses dan dilihat dengan jelas oleh pengguna/pesakit melalui contoh medium berikut:
  - Katalog
  - Papan kenyataan senarai harga
  - Laptop/PC/tablet
  - Kiosk TV/skrin elektronik
  - Apa-apa peranti lain yang sesuai untuk memaparkan harga ubat
- Pilihan medium adalah bergantung kepada kesesuaian fasiliti.
- Senarai harga hendaklah boleh diakses oleh pengguna/pesakit sepanjang waktu operasi.
- Pengguna boleh mengakses maklumat harga tanpa perlu menggunakan peranti peribadinya.

## **12. Di manakah lokasi pemaparan senarai harga ubat yang sesuai?**

Senarai harga ubat boleh diletakkan di ruangan yang boleh dilihat oleh pengguna/pesakit dengan mudah dan jelas mengikut kesesuaian fasiliti masing-masing. Contohnya:

- a) Klinik swasta: Kawasan pendaftaran
- b) Hospital swasta: Lobi hospital
- c) Farmasi komuniti: Kaunter pendispensan ubat farmasi

## **13. Berapa kerapkah harga perlu dikemas kini?**

- Harga yang dipaparkan harus mengikut harga jualan ubat yang terkini.
- Kekerapan mengemaskini adalah bergantung kepada fasiliti sekiranya perubahan harga berlaku.
- Fasiliti kesihatan swasta perlu menyelenggara sebarang perubahan harga dan mengemaskini senarai harga.

**14. Adakah senarai harga jualan ubat boleh mengandungi maklumat indikasi/kegunaan ubat?**

Pemaparan senarai harga jualan ubat tidak boleh mengandungi pernyataan berkaitan indikasi atau kegunaan ubat bagi rawatan atau pencegahan penyakit atau keadaan manusia, seperti mana yang termaktub di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 [Akta 290].

**15. Adakah gambar ubat boleh digunakan bagi tujuan pemaparan harga jualan ubat?**

Boleh. Senarai harga jualan ubat boleh mengandungi gambar ubat tanpa memaparkan indikasi atau kegunaan ubat.

**16. Adakah penggunaan kod QR atau senarai harga secara dalam talian memadai bagi tujuan pemaparan harga jualan ubat?**

- Pemaparan harga ubat hendaklah disediakan dalam bentuk fizikal yang boleh diakses dan dilihat dengan jelas oleh pengguna/pesakit tanpa perlu menggunakan peranti peribadinya.
- Pemaparan harga jualan ubat melalui kod QR atau dalam talian boleh diwujudkan sebagai tambahan, namun ianya tidak boleh menggantikan senarai harga secara fizikal.

**17. Adakah *LED banner/digital scrolling message board* dibenarkan bagi tujuan pemaparan harga ubat?**

*LED banner/digital scrolling message board* ini bukanlah satu medium yang sesuai untuk pemaparan harga jualan kepada pengguna kerana ianya menyukarkan pengguna untuk melihat senarai harga ubat secara keseluruhan atau mengikut keperluannya.

**18. Adakah pemaparan harga jualan ubat akan dikongsikan secara dalam talian (*online*) dan secara berpusat.**

- Pemaparan harga ubat hendaklah disediakan dalam bentuk fizikal yang boleh diakses dan dilihat dengan jelas oleh pengguna/pesakit tanpa perlu menggunakan peranti peribadinya.
- Sebagai langkah tambahan bagi meningkatkan perkongsian harga, fasiliti terlibat boleh menyediakan senarai harga jualan ubat yang boleh dikongsikan secara kod QR atau dalam talian, seperti laman sesawang dan media sosial rasmi yang dimiliki oleh kemudahan jagaan kesihatan swasta dan farmasi komuniti tersebut.

**19. Adakah farmasi komuniti yang telah melaksanakan penandaan harga jualan ubat masih perlu menyediakan senarai harga jualan ubat?**

- Ya, perlu. Di farmasi komuniti, mana-mana ubat yang tidak dipamerkan atau diletakkan di belakang kaunter yang tidak dapat diakses atau tidak dapat dilihat oleh pengguna perlu disediakan senarai harga jualan ubat. Manakala, ubat-ubatan yang dipamerkan di atas rak terbuka perlu ditag/ dilabel harga.
- Contohnya ubat mengandungi racun, bahan psikotropik atau dadah berbahaya yang perlu disimpan di dalam kabinet/ laci berkunci bagi mematuhi keperluan penyimpanan yang ditetapkan di bawah Akta Racun 1952 [Akta 366] dan Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234].

**20. Apakah faedah inisiatif Pemaparan Harga Ubat?**

a) **Meningkatkan ketelusan harga**

Pengguna/pesakit mengetahui harga ubat-ubatan untuk membuat perbandingan sebelum pembelian dan pemilihan fasiliti yang menawarkan harga yang munasabah. Walau bagaimanapun, penentuan rawatan dan ubat masih ditentukan oleh doktor.

Pengguna/pesakit juga berhak memohon bil terperinci selepas rawatan untuk membuat perbandingan dengan harga yang dipaparkan bagi memastikan harga ubat yang dicaj adalah tepat.

**b) Melindungi hak pengguna/pesakit**

Pengguna/pesakit dapat membuat pilihan dengan lebih bijak dan berhak mendapatkan harga yang tidak melebihi harga yang dipaparkan.

Ini mengurangkan risiko caj tersembunyi atau caj yang tidak munasabah.

Pengguna/pesakit boleh memilih ubat yang sama dengan jenama ubat berbeza berdasarkan kemampuan masing-masing. Pengguna/pesakit boleh berbincang dengan doktor atau ahli farmasi berdaftar untuk pilihan berdasarkan kemampuan masing-masing.

**c) Meningkatkan kualiti perkhidmatan fasiliti kesihatan**

Ketelusan harga jualan ubat melalui inisiatif ini dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan dengan persaingan sihat antara fasiliti yang menawarkan harga yang berpatutan.

**d) Menggalakkan persaingan sihat dalam industri**

Apabila harga jualan ubat dipaparkan secara terbuka, fasiliti akan berusaha menambah baik perkhidmatan dan menetapkan harga yang kompetitif setara dengan perkhidmatan yang ditawarkan. Ini mendorong persaingan sihat dan dapat menurunkan harga jualan ubat untuk pengguna/pesakit.

**e) Menyokong keputusan pengguna/pesakit berdasarkan maklumat**

Pengguna/pesakit mempunyai pilihan bermaklumat untuk membuat perancangan perbelanjaan berdasarkan bajet dan keperluan kesihatan mereka.

**21. Apakah faedah pemaparan harga ubat kepada klinik perubatan swasta?**

Pemaparan harga ubat dapat mengukuhkan reputasi klinik sebagai penyedia perkhidmatan yang telus dan mesra pengguna, disamping itu dapat meningkatkan kepercayaan pesakit terhadap ketelusan kos rawatan dalam membantu pesakit merancang perbelanjaan rawatan.

**22. Adakah pesakit boleh membuat pilihan ubat semasa situasi kecemasan dan rawatan pesakit di wad?**

- Penentuan rawatan dan diagnosis masih ditentukan oleh doktor. Pengguna/pesakit tidak boleh menentukan jenis rawatannya sendiri.
- Objektif inisiatif ini adalah memberikan pilihan bermaklumat kepada pengguna/pesakit untuk membuat perbandingan dan memilih fasiliti yang menawarkan harga munasabah, bukan untuk menentukan jenis rawatan atau ubat.

**23. Bolehkah pengguna/ pesakit memilih jenis ubat yang berlainan daripada nasihat/ cadangan/ preskripsi doktor?**

- Penentuan rawatan yang memerlukan preskripsi masih ditentukan oleh doktor. Bagi ubat yang mempunyai jenama yang berbeza di pasaran, pengguna/ pesakit boleh berbincang dengan doktor atau ahli farmasi berdaftar untuk membuat pilihan berdasarkan kemampuan masing-masing.
- Bagi ubat tanpa preskripsi, ubat am *over-the-counter* (OTC), ubat tradisional dan suplemen kesihatan, pesakit boleh berbincang dengan doktor atau ahli farmasi berdaftar untuk pilihan berdasarkan kemampuan masing-masing.

**24. Bolehkah hospital swasta memaparkan 2 senarai harga jualan yang berbeza di pesakit luar (*outpatient, OPD*) dan pesakit dalam (*inpatient, IPD*)?**

Hospital swasta mempunyai pilihan memaparkan sama ada satu (1) harga terkini atau memaparkan dua (2) harga iaitu bagi pesakit luar dan pesakit dalam mengikut kesesuaian, selagi harga yang dicaj kepada pesakit tidak melebihi harga yang dipaparkan dan tidak mengelirukan pesakit.

**25. Bolehkah kemudahan dan jagaan kesihatan swasta memaparkan dua (2) senarai harga jualan yang berbeza mengikut kaedah pembayaran atau jenis pembiayaan, contohnya untuk harga ubat di bawah insurans dan harga untuk pesakit yang membayar sendiri (tanpa pembiayaan/insuran)?**

- Tidak. Kemudahan jagaan kesihatan swasta tidak dibenarkan memaparkan dua senarai harga jualan yang berbeza, seperti harga ubat untuk pesakit di bawah insurans dan harga untuk pesakit yang membayar sendiri (tanpa pembiayaan/insuran).
- Perintah ini menetapkan bahawa hanya satu harga jualan yang perlu dipaparkan, iaitu harga yang akan dibayar oleh pengguna, tanpa mengira kaedah pembayaran.

## **26. Adakah fasiliti kesihatan dibenarkan memaparkan harga ubat berdasarkan keahlian pesakit?**

- Ya, fasiliti kesihatan dibenarkan memaparkan harga bersama peratus diskaun yang diberikan kepada pesakit yang mempunyai keahlian, selagi harga akhir yang perlu dibayar oleh pengguna dinyatakan dengan jelas dan tidak mengelirukan.

Contohnya:



Klinik ABC				
Senarai Harga Jualan Ubat				
*Nama generik / bahan aktif & kekuatan	Nama Dagangan	*Harga jualan per unit (pekar/jualan)	Diskaun Ahli	Harga Ahli
Tablet XYZ 10mg	XXX tab	RM 50.00/ box of 30's	10%	RM 45.00/ box of 30's
Sirap ABC 125mg/5mL	Syr XXX	RM 80.00/ botol	30%	RM 56.00/ botol
Inj DEF 50mg/2mL	Inj XXX	RM 20.00/ vial	10%	RM 18.00/ vial
Krim JKL 1% w/w	Krim XXX	RM 30.00/ tiub 5 gm	15%	RM 25.50/ tiub 5 gm
Inhaler MNO 360mcg / 100mcg	Inhaler XXX	RM 120.00/ canister	20%	RM 96.00/ canister

## **27. Apakah hak pengguna berkaitan pemaparan harga jualan ubat?**

- Pengguna berhak membayar harga ubat seperti yang dipaparkan. Jika terdapat dua harga yang berbeza, pengguna berhak mendapatkan harga yang lebih rendah.
- Pengguna juga boleh meminta maklumat lengkap mengenai ubat sebelum membuat pembelian.

## **28. Adakah inisiatif ini satu kawalan harga kos ubat-ubatan?**

- Pemaparan Harga Ubat merupakan suatu inisiatif ketelusan harga jualan ubat di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, namun ia bukan satu kawalan.
- Inisiatif ini hanya mengkehendaki kemudahan jagaan kesihatan swasta dan farmasi komuniti memaparkan harga jualan ubat agar rakyat mengetahui harga yang perlu dibayar dan boleh membuat pilihan berpatutan.

## **29. Mengapa inisiatif ini menggunakan Akta 723?**

- Akta 723 ini bertujuan untuk mengawal harga barang dan caj bagi perkhidmatan dan melarang sebarang amalan pencatutan.
- Ubat-ubatan, yang ditakrif sebagai produk di bawah Akta Jualan Dadah 1952 dan Akta Racun 1952 serta Peraturan-peraturannya, dikategori sebagai barang dan turut tertakluk di bawah Akta 723.

## **30. Bilakah inisiatif pemaparan harga ubat ini akan dikuatkuasakan?**

- Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Penandaan Harga Bagi Ubat) 2025 akan berkuatkuasa pada 1 Mei 2025.
- Sebagai permulaan, pemeriksaan akan dijalankan dari semasa ke semasa dengan pendekatan advokasi bagi memastikan pematuhan terhadap perintah ini.

## **31. Siapakah yang akan menjalankan penguatkuasaan Perintah ini?**

- Fasa awal pemantauan dan penguatkuasaan perintah ini akan dijalankan secara berhikmah, ihsan dan berkesan, agar setiap fasiliti kesihatan swasta dapat membuat penyesuaian dan pembaharuan secara berperingkat.
- Penguatkuasaan pemaparan harga ubat-ubatan akan dilaksanakan oleh KKM dengan panduan dan kerjasama KPDN.
- Namun begitu, jika terdapat perbezaan harga dan pencatutan, tindakan akan diambil oleh KPDN.

## **32. Adakah pemaparan harga masih diperlukan walaupun fasiliti telah memberikan resit/ bil terperinci?**

- Ya, pemaparan harga ubat secara fizikal masih diwajibkan. Resit dan bil terperinci hanya diperoleh selepas pembayaran dibuat.
- Oleh itu, pemaparan harga ubat berperanan penting untuk membolehkan pengguna membuat pilihan sebelum pembayaran dan membuat perbandingan harga selepas pembayaran.

**33. Adakah memadai harga panduan jualan (*Recommended Selling Price/ Recommended Retail Price*) yang berada di kotak/bekas ubat sebagai medium pemaparan harga?**

- Tidak. Harga panduan jualan (*Recommended Selling Price / Recommended Retail Price*) bukan sebahagian daripada penandaan harga atau senarai harga jualan yang ditetapkan di bawah perintah ini.
- Fasiliti kesihatan swasta hendaklah memaparkan harga jualan sebenar yang akan dibayar oleh pengguna.

**34. Adakah kedai runcit yang menjual ubat *over-the-counter* (OTC) dan penjual ubat tradisional perlu memaparkan harga di bawah Perintah ini?**

- Fasiliti yang terlibat dalam Perintah ini adalah semua kemudahan jagaan kesihatan swasta mengikut tafsiran Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan farmasi komuniti (seperti yang disenaraikan di soalan 5)
- Ubat am (OTC) dan tradisional di fasiliti yang disenaraikan dibawah Akta 586 dan farmasi komuniti perlu ditanda atau dilabel harga melalui Perintah ini.
- Namun, kedai runcit yang menjual ubat am (OTC) dan penjual ubat tradisional tidak tertakluk di bawah pelaksanaan perintah ini, tetapi masih tertakluk kepada keperluan penandaan harga di bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga bagi Barang dan Caj bagi Perkhidmatan) 2020. [P.U.(A) 314/2020].

### **35. Apakah saluran aduan bagi isu-isu ketidakpatuhan pemaparan harga jualan ubat?**

Aduan berkaitan ketidakpatuhan pemaparan harga jualan ubat iaitu tiada paparan atau paparan tidak dikemaskini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

- Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) KKM: <https://moh.spab.gov.my>
- Talian am (8.00 pagi - 5 petang):
  - KKM: 03-8883 3707 / 3684
  - Program Perkhidmatan Farmasi, KKM: 03-7841 3620

- Surat atau emel :

Unit Komunikasi Korporat Kementerian Kesihatan Malaysia Aras 4, Blok E7, Kompleks E Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62590 Putrajaya	Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia Lot 36, Jalan Universiti (Jalan Prof Diraja Ungku Aziz), 46200 Petaling Jaya, Selangor
---	--

E-mel : pro.kkm@moh.gov.my

E-mel : chu@moh.gov.my

- Hadir sendiri ke:

- Unit Komunikasi Korporat, KKM;
- Program Perkhidmatan Farmasi, KKM; atau
- Jabatan-Jabatan Kesihatan Negeri masing-masing

### **36. Apakah saluran aduan bagi perbezaan harga yang dicaj dan harga yang dipapar harga yang mengelirukan/pencatutan?**

Aduan boleh dikemukakan kepada KPDN melalui:

- Talian *Hotline* KPDN (1-800-886-800)
- Whatsapp: 019-848 8000
- Aplikasi telefon pintar Ez ADU
- Portal e-aduan KPDN: <http://eaduan.kpdn.gov.my>

Pengguna adalah digalakkan untuk mengemukakan resit/ bil terperinci, maklumat ubat seperti nama, kuantiti dan harga ubat, tarikh pembelian/ transaksi, nama dan alamat premis serta bukti bergambar tiada paparan harga bagi membantu siasatan.

**37. Adakah suatu kesalahan sekiranya fasiliti kesihatan swasta tidak memaparkan harga jualan ubat?**

- Ya. Kemudahan jagaan kesihatan swasta dan farmasi komuniti yang tidak memaparkan harga jualan ubat telah melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan jika disabitkan kesalahan boleh dihukum di bawah Akta yang sama.
- Bagi bukan pertubuhan perbadanan (individu):
  - i. kompaun maksimum RM25,000 atau
  - ii. penalti denda tidak melebihi RM50,000.
- Bagi pertubuhan perbadanan (syarikat):
  - i. kompaun maksimum RM50,000 atau
  - ii. penalti denda tidak melebihi RM100,000.

## **CONTOH FORMAT SENARAI DAN PANDUAN PEMAPARAN HARGA UBAT**

### **A) SENARAI HARGA UBAT KLINIK PERUBATAN/ PERGIGIAN/ HOSPIS/ FARMASI KOMUNITI**

<b>*Nama generik / bahan aktif &amp; kekuatan</b>	<b>*Nama dagangan &amp; Kekuatan</b>	<b>*Harga per unit</b>	<b>*Harga jualan per unit (pek jualan)</b>
Amoxicillin 500mg & Clavulanate 125mg Tablet	Noxiclav 625mg Tablet	RM3.20/ tablet	RM44.80/ kotak 14 tablet
Ascorbic Acid 500 mg tablet	Bappeton Essentials Activ - C 500 (Orange)	RM1.40/ tablet	RM42.00/ kotak 30 tablet
Ubidecarenone 50 mg Capsule	HGNC CO-Q10 50mg Softgel Capsule	RM1.45/ kapsul	RM173.90/ kotak 120 kapsul
Chlorhexidine HCL 5 mg & Benzocaine 2 mg Lozenge Tablet	Lorf Lozenges	RM2.10/ lozenge	RM21.00/ kotak 10 lozenges
Metoclopramide HCL 10mg/2ml Injection	Metoclopramide-Gameln 5mg/ml Injection, 2ml	RM2.55/ ml	RM5.10/ ampoule
Paracetamol 250mg/5ml Syrup	Luphamol suspension 250 (Orange)	RM11.90/ botol (100ml)	RM11.90/ botol (100ml)
Chloramphenicol 0.5% w/v eye drop	Micol eye drops 0.5% w/v	RM5.00/ botol 5ml	RM5.00/ botol 5ml
Beclomethasone Dipropionate 100 mcg/Dose Inhalation	Larite Beclometasone 100mcg/Actuation Metered Dose Inhaler	RM50.70/ canister (120 dose)	RM50.70/ canister (120 dose)
Mometasone Furoate 0.05 %W/W Nasal Spray	Laxcel Mometasone 0.05% w/w Nasal Spray	RM49.40/ botol (140 dose)	RM49.40/ botol (140 dose)
Isophane 100IU/ml Injection	Binsugen-N (BPH) Insulin Injection	RM26.30/ vial	RM131.50/ 5 vial

<b>*Nama generik / bahan aktif &amp; kekuatan</b>	<b>*Nama dagangan &amp; Kekuatan</b>	<b>*Harga per unit</b>	<b>*Harga jualan per unit (pek jualan)</b>
DI-Camphor 80 mg; Glycol Salicylate 240 mg; DI-Alpha Tocopheryl Acetate 48 mg; Capsicum Extract 32 mg Plaster / Patches	Lainfix Relief Patch for Muscle & Joint Pain	RM6.00/ tampalan	RM12.00/ kotak 2 tampalan
Metronidazole 250 mg Pessary	Afrotin Pessaries	RM3.10/ pesari	RM31.00/ kotak 10 pesari
5-Aminosalicylic Acid (Mesalazine) 1 G Suppository	Sentasa Suppositories 1g	RM11.80/ suppositori	RM330.40/ Kotak 28 suppositori
Paraffin, White Soft Cream	Saqua Cream	RM4.50/ pek 15g	RM4.50/ Pek 15g
		RM3.00/ pek 15g	RM100.00/ pek 500g
Acriflavine 0.1% Cream	Glavisept Cream 0.1% w/w	RM8.00/ tiub 10gram	RM8.00/ tiub 10gram
Acetylsalicylic Acid 600 mg Oral Powder	Ubat Serbuk Cap Kaki Dua 600mg/ Sac	RM0.45/ sachet	RM5.40/ kotak 12 sachet
Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis Solution & Dextrose 2.5%	Serizol 2G	RM21.80/ beg	RM87.20/ 4 beg
Influenza Vaccine (Inactivated) Injection Pre-Filled Syringe	Askycellflu Quadrivalent Prefilled Syringe 0.5ml	RM2,400.00/ Prefilled Syringe 0.5ml	RM2,400.00/ Prefilled Syringe 0.5ml
Atorvastatin 20mg Tablet	Sipitor 20mg	RM4.40/ tablet	RM 132.00/ kotak 30 tablet
Atorvastatin 20mg Tablet	Astorvas C 20mg	RM1.20 / tablet	RM12.00/ kerajang 10 tablet
Atorvastatin 20mg Tablet	Opo-Atorvastatin 20mg	RM1.10 / tablet	RM 33.00/ kotak 30 tablet
Methadone 5 mg/ml Syrup	Athadone Syrup 5mg/ml	RM1.00/ ml	RM60.00/ botol 60ml
Multivitamin Drops	Bappeton Baby Drops	RM68.40/ botol 30ml	RM68.40/ botol 30ml

<b>*Nama generik / bahan aktif &amp; kekuatan</b>	<b>*Nama dagangan &amp; Kekuatan</b>	<b>*Harga per unit</b>	<b>*Harga jualan per unit (pek jualan)</b>
Multivitamin Injection	Barentrovite	RM3.80/ ml	RM19.00/ amp 5ml
Multivitamin Syrup	Bappeton Syrup	RM15.00/ botol 90ml	RM15.00/ botol 90ml
Multivitamin Tablet	Glavettes Daily Plus Tablet F/C	RM1.00/ tablet	RM30.00/ kotak 30 tablet
Eurycoma Longifolia Capsule	Nocell3 Tongkat Ali Capsules	RM1.20/ kapsul	RM72.00/ kotak 60 kapsul
Pelargonium Sidoides & Hedera Helix	Mitaherb Cold & Cough Lozenge	RM1.50/ lozenge	RM36.00/ kotak 24 lozenge
Myristica Fragrans	Turix's White Nutmeg Oil	RM7.70/ botol 12ml	RM7.70/ botol 12ml
Clostridium Botulinum Toxin Type A	Sotox (Botulinum Toxin Type A) IM Injection	RM72.00/ suntikan	RM3,600.00/ vial 50 unit
Midazolam 7.5mg tablet	Mormicum 7.5mg tablet	RM1.80/ tablet	RM18.00/ kerajang 10 tablet
Fluvoxamine 100mg tablet	Suvox 100mg Film Coated Tablet	RM2.50/ tablet	RM25.00/ kerajang 10 tablet

**B) SENARAI HARGA UBAT HOSPITAL SWASTA**

*Nama generik / bahan aktif & kekuatan	*Nama dagangan & Kekuatan	Pesakit Luar		Pesakit Dalam	
		*Harga per unit	*Harga jualan per unit (pek jualan)	*Harga per unit	*Harga jualan per unit (pek jualan)
Amoxicillin 500mg & Clavulanate 125mg Tablet	Noxiclav 625mg Tablet	RM3.20/ tablet	RM44.80/ kotak 14 tablet	RM4.70/ tablet	RM65.80/ kotak 14 tablet
Ascorbic Acid 500 mg tablet	Bappeton Essentials Activ - C 500 (Orange)	RM1.40/ tablet	RM42.00/ kotak 30 tablet	RM2.20/ tablet	RM66.00/ kotak 30 tablet
Ubidecarenone 50 mg Capsule	HGNC CO-Q10 50mg Softgel Capsule	RM1.45/ kapsul	RM173.90/ kotak 120 kapsul	RM2.20/ kapsul	RM264.00/ kotak 120 kapsul
Chlorhexidine HCL 5 mg & Benzocaine 2 mg Lozenge Tablet	Lorf Lozenges	RM2.10/ lozenge	RM21.00/ kotak 10 lozenges	RM3.10/ lozenge	RM31.00/ kotak 10 lozenges
Metoclopramide HCL 10mg/2ml Injection	Metoclopramid e-Gameln 5mg/ml Injection, 2ml	RM2.55/ ml	RM5.10/ ampul 2ml	RM3.80/ ml	RM7.64/ ampul 2 ml
Paracetamol 250mg/5ml Syrup	Luphamol suspension 250 (Orange)	RM11.90/ botol (100ml)	RM11.90/ botol (100ml)	RM17.85/ botol (100ml)	RM17.85/ botol (100ml)
Chloramphenicol 0.5% w/v eye drop	Micol eye drops 0.5% w/v	RM5.00/ botol 5ml	RM5.00/ botol 5ml	RM7.50/ botol 5ml	RM7.50/ botol 5ml
Beclomethasone Dipropionate 100 mcg/Dose Inhalation	Larite Beclometasone 100mcg/Actuation Metered Dose Inhaler	RM50.70/ canister (120 dose)	RM50.70/ canister (120 dose)	RM76.05/ canister (120 dose)	RM76.05/ canister (120 dose)

<b>*Nama generik / bahan aktif &amp; kekuatan</b>	<b>*Nama dagangan &amp; Kekuatan</b>	<b>Pesakit Luar</b>		<b>Pesakit Dalam</b>	
		<b>*Harga per unit</b>	<b>*Harga jualan per unit (pek jualan)</b>	<b>*Harga per unit</b>	<b>*Harga jualan per unit (pek jualan)</b>
Mometasone Furoate 0.05 %W/W Nasal Spray	Laxcel Mometasone 0.05% w/w Nasal Spray	RM49.40/ botol (140 dose)	RM49.40/ botol (140 dose)	RM74.10/ botol (140 dose)	RM74.10/ botol (140 dose)
Isophane 100IU/ml Injection	Binsugen-N (BPH) Insulin Injection	RM26.00/ penfill	RM130.00/ 5 penfill	RM39.50/ penfill	RM197.50/ 5 penfill
Di-Camphor 80 mg; Glycol Salicylate 240 mg; Di-Alpha Tocopheryl Acetate 48 mg; Capsicum Extract 32 mg Plaster / Patches	Lainfix Relief Patch for Muscle & Joint Pain	RM6.00/ patch	RM12.00/ kotak 2 patch	RM9.00/ patch	RM18.00/ Kotak 2 patch
Metronidazole 250 mg Pessary	Afrotin Pessaries	RM3.10/ pesari	RM31.00/ kotak 10 pesari	RM4.60/ pesari	RM46.00/ kotak 10 pesari
5-Amino salicylic Acid (Mesalazine) 1G Suppository	Sentasa Suppositories 1g	RM11.80/ suppository	RM330.40/ kotak 28 suppository	RM17.00/ suppository	RM476.00/ kotak 28 suppository
Paraffin, White Soft Cream	Saqua Cream	RM4.50/ pek 15g	RM4.50/ pek 15g	RM6.80/ pek 15g	RM6.80/ pek 15g
		RM4.50/ pek 15g	RM150.00/ pek 500g	RM6.00/ pek 15g	RM200.00/ pek 500g
Acriflavine 0.1% Cream	Glavisept Cream 0.1% w/w	RM8.00/ tiub 10gm	RM8.00/ tiub 10gm	RM12.00/ tiub 10gm	RM12.00/ tiub 10gm
Acetylsalicylic Acid 600 mg Oral Powder	Ubat Serbuk Cap Kaki Dua 600mg/ Sachet	RM0.45/ sachet	RM5.40/ kotak 12 sachet	RM0.90/ sachet	RM10.80/ kotak 12 sachet

*Nama generik / bahan aktif & kekuatan	*Nama dagangan & Kekuatan	Pesakit Luar		Pesakit Dalam	
		*Harga per unit	*Harga jualan per unit (pek jualan)	*Harga per unit	*Harga jualan per unit (pek jualan)
Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis Solution & Dextrose 2.5%	Serizol 2G	RM21.80/beg	RM87.20/4 beg	RM32.80/beg	RM131.20/4 beg
Influenza Vaccine (Inactivated) Injection Pre-Filled Syringe	Askycellflu Quadrivalent Prefilled Syringe 0.5ml	RM2,400.00/Prefilled Syringe 0.5ml	RM2,400.00/Prefilled Syringe 0.5ml	RM3,600.00/Prefilled Syringe 0.5ml	RM3,600.00/Prefilled Syringe 0.5ml
Atorvastatin 20mg Tablet	Sipitor 20mg	RM4.40/tablet	RM 132.00/kotak 30 tablet	RM6.50/tablet	RM195.00/kotak 30 tablet
Multivitamin Drops	Bappeton Baby Drops	RM68.40/botol 30ml	RM68.40/botol 30ml	RM102.60/botol 30ml	RM102.60/botol 30ml
Multivitamin Injection	Barentrovite	RM3.70/ml	RM18.50/amp 5ml	RM5.60/ml	RM28.00/amp 5ml
Multivitamin Syrup	Bappeton Syrup	RM15.00/botol 90ml	RM15.00/botol 90ml	RM22.50/botol 90ml	RM22.50/botol 90ml
Multivitamin Tablet	Glavettes Daily Plus Tablet F/C	RM0.90/tablet	RM27.00/kotak 30 tablet	RM1.40/tablet	RM42.00/kotak 30 tablet
Eurycoma Longifolia Capsule	Nocell3 Tongkat Ali Capsules	RM1.50/capsule	RM90.00/kotak 60 capsule	RM2.70/capsule	RM162.00/kotak 60 capsule
Pelargonium Sidoides & Hedera Helix	Mitaherb Cold & Cough Lozenge	RM1.50/lozenge	RM36.00/kotak 24 lozenge	RM2.30/lozenge	RM55.20/kotak 24 lozenge
Myristica Fragrans	Turix's White Nutmeg Oil	RM7.70/botol 12ml	RM7.70/botol 12ml	RM11.55/botol 12ml	RM11.55/botol 12ml
Clostridium Botulinum Toxin Type A	Sotox (Botulinum Toxin Type A)	RM72.00/suntikan	RM3,600.00/vial 50 unit	RM108.00/suntikan	RM5,400.00/vial 50 unit

<b>*Nama generik / bahan aktif &amp; kekuatan</b>	<b>*Nama dagangan &amp; Kekuatan</b>	<b>Pesakit Luar</b>		<b>Pesakit Dalam</b>	
		<b>*Harga per unit</b>	<b>*Harga jualan per unit (pek jualan)</b>	<b>*Harga per unit</b>	<b>*Harga jualan per unit (pek jualan)</b>
	IM Injection				
Midazolam 7.5mg tablet	Mormicum 7.5mg tablet	RM2.00/ tablet	RM20.00/ kerajang 10 tablet	RM2.70/ tablet	RM27.00/ kerajang 10 tablet
Fluvoxamine 100mg tablet	Suvox 100mg Film Coated Tablet	RM2.50/ tablet	RM25.00/ kerajang 10 tablet	RM3.75/ tablet	RM3.75/ kerajang 10 tablet

## **PANDUAN PEMAPARAN HARGA UBAT**

### **A) DI KLINIK PERUBATAN/ PERGIGIAN/ HOSPI DAN LAIN-LAIN**

**PANDUAN PEMAPARAN HARGA UBAT OLEH  
KLINIK PERUBATAN SWASTA**

**Contoh Format Senarai Harga Ubat 2025 Klinik XYZ**

*Nama generik / bahan aktif & kekuatan	*Nama dagangan & kekuatan	*Harga per unit	*Harga jualan per unit (pek jualan)
Amoxicillin 500mg & Clavulanate 125mg Tablet	Noxiclav 625mg Tablet	RM2.70/ tablet	RM37.80/ kotak 14 tablet
Metoclopramide HCL 10mg/2ml Injection	MetocloHo 5mg/ml injection, 2ml	RM2.30/ ml	RM4.60/ ampoule
Paracetamol 250mg/5ml Syrup	Zuphamol suspension 250 (Apple)	RM 10.90/ botol (100ml)	RM10.90/ botol (100ml)
Paraffin, White Soft Cream	Saqua Cream	RM4.00/ tiub 15g	RM4.00/ tiub 15g
		RM1.50/ pek 15g	RM50.00/ pek 500g
Isophane 100IU/ml Injection	Binsugen-N (BPH) Insulin Injection	RM26.30/ vial	RM130.00/ 5 vial
Midazolam 7.5mg tablet	Mormicum 7.5mg tablet	RM1.80/ tablet	RM18.00/ kerajang 10 tablet
Methadone 5 mg/ml Syrup	Athadone Syrup 5mg/ml	RM1.00/ ml	RM60.00/ botol 60ml
Eurycoma Longifolia Capsule	Nocell3 Tongkat Ali Capsules	RM1.20/ kapsul	RM72.00/ kotak 60 kapsul
Metronidazole 250 mg Pessary	Afrotin Pessaries	RM3.50/ pesari	RM35.00/ kotak 10 pesari
Chloramphenicol 0.5% w/v eye drop	Micol eye drops 0.5% w/v	RM5.00/ botol	RM5.00/ botol

\*Senarai harga bagi ubat yang tidak boleh dilihat dan diakses oleh pengguna. Tarikh kemaskini: xx 2025



**Sediaan ekstemporaneous mengikut harga per unit pek jualan**



**Nota:** Format ini sebagai rujukan.  
\*Maklumat yang perlu dipaparkan



**menyatakan/memaparkan  
indikasi ubat**

## B) DI HOSPITAL SWASTA

### PANDUAN PEMAPARAN HARGA UBAT OLEH HOSPITAL SWASTA

#### Contoh Format Senarai Harga Ubat 2025 Hospital XYZ

*Nama generik / bahan aktif & kekuatan	*Nama dagangan & Kekuatan	Pesakit Luar		Pesakit Dalam	
		*Harga per unit	*Harga jualan per unit (pek/jualan)	*Harga per unit	*Harga jualan per unit (pek/jualan)
Amoxicillin 500mg & Clavulanate 125mg Tablet	Noxiclav 625mg Tablet	RM3.20/ tablet	RM44.80/ kotak 14 tablet	RM4.70/ tablet	RM65.80/ kotak 14 tablet
Metoclopramide HCL 10mg/2ml Injection	Metoclopramide e-Gamelin 5mg/ml Injection, 2ml	N/A	N/A	RM3.80/ ml	RM7.60/ ampoule
Paracetamol 250mg/5ml Syrup	Luphamol suspension 250 (Orange)	RM11.90/ botol (100ml)	RM11.90/ botol (100ml)	RM17.80/ botol (100ml)	RM17.80/ botol (100ml)
Chloramphenic ol 0.5% w/v eye drop	Micol eye drops 0.5% w/v	RM5.00/ botol 5ml	RM5.00/ botol 5ml	RM7.50/ botol 5ml	RM7.50/ botol 5ml
Isophane 100IU/ml Injection	Binsugen-N (BPH) Insulin Injection	RM26.30/ vial	RM131.50/ 5 vial	RM39.50/ vial	RM197.50/ 5 vial
Eurycoma Longifolia Capsule	Nocell3 Tongkat Ali Capsules	RM1.20/ kapsul	RM72.00/ kotak 60 kapsul	RM2.00/ kapsul	RM120.00/ kotak 60 kapsul
Midazolam 7.5mg tablet	Mormicum 7.5mg tablet	RM1.80/ tablet	RM18.00/ kerajang 10 tablet	RM2.30/ tablet	RM23.00/ kerajang 10 tablet
Clotrimazole 100mg Pessary	Befungo 0.1G pessary	RM1.50/ pesari	RM9.00/ kotak 6 pesari	RM 2.50/ pesari	RM15.00/ kotak 6 pesari
Pelargonium Sidoides & Hedera Helix	Mitaherb Cold & Cough Lozenge	RM1.50/ lozenge	RM36.00/ kotak 24 lozenge	RM2.30/ lozenge	RM55.20/ kotak 24 lozenge

Tarikh kemaskini: xx 2025



Nota: Format ini sebagai rujukan.  
\*Maklumat yang perlu dipaparkan



menyatakan/memaparkan maklumat indikasi ubat

## C) DI FARMASI KOMUNITI

### PANDUAN PEMAPARAN HARGA UBAT OLEH FARMASI KOMUNITI

#### Contoh Format Senarai Harga Ubat 2025 Farmasi ABC

*Nama generik / bahan aktif & kekuatan	*Nama dagangan & kekuatan	*Harga per unit	*Harga jualan per unit (pek/jualan)
Amoxicillin 500mg & Clavulanate 125mg Tablet	Noxiclav 625mg Tablet	RM2.50/ tablet	RM35.00/ kotak 14 tablet
Metoclopramide HCL 10mg/2ml Injection	MetocloHo 5mg/ml injection, 2ml	RM2.00/ ml	RM4.00/ ampoule
Chloramphenicol 0.5% w/v eye drop	Micol eye drops 0.5% w/v	RM4.00/ botol	RM4.00/ botol
Miconazole Nitrate 2% & Hydrocortisone Acetate 1% Cream	Saxcel Fungicort Cream	RM5.30/ tiub 15g	RM5.30/ tiub 15g
Isophane 100IU/ml Injection	Binsugen-N (BPH) Insulin Injection	RM25.00/ vial	RM125.00/ 5 vial
Midazolam 7.5mg tablet	Mormicum 7.5mg tablet	RM1.50/ tablet	RM15.00/ kerajang 10 tablet
Mometasone Furoate 0.05 %W/W Nasal Spray	Laxcel Mometasone 0.05% w/w Nasal Spray	RM45.40/ botol (140 dose)	RM45.40/ botol (140 dose)
Metronidazole 250 mg Pessary	Afrotin Pessaries	RM3.00/ pesari	RM30.00/ kotak 10 pesari

\*Senarai harga bagi ubat yang tidak boleh dilihat dan diakses oleh pengguna. Tarikh kemaskini: xx 2025



#### Tanda harga atau label harga untuk ubat-ubatan yang dipamerkan di atas rak terbuka:

- Paracetamol 250mg/5ml Syrup - RM11.90/ botol (100ml)
- Saura Cream - RM25.00/pek 500g
- Bappeton Essentials Activ - C 500 (Orange) - RM42.90/ kotak 30 tablet
- Turix's White Nutmeg Oil - RM7.70/ botol 12ml

Tanda/label harga



Nota: Format ini sebagai rujukan.  
\*Maklumat yang perlu dipaparkan



menyatakan/memaparkan  
indikasi ubat